



**TEKS UCAPAN
YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NM BIL.6/2021

**TARIKH:
24 JUN 2021 (KHAMIS)**

**TEMPAT:
SECARA MAYA (ZOOM)**

Bismillahirrahmanirahim

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara pengacara majlis pada pagi ini;

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi)

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal)

YANG BERUSAHA TS. DR. CHANTARA DEVI RATNAM

Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran

**YANG BERUSAHA DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASSAN,
PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN HUBUNGAN
ANTARABANGSA DAN YANG MULIA RAJA JAMAL ABDUL NASSER
BIN RAJA HEDAR, PENGARAH BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**

Selaku Tuan Rumah Bersama Perhimpunan Bulanan Bagi Bulan Jun 2021

Pengarah-pengarah bahagian,

Pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat di bawah Rahmat Allah sentiasa.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas izin dan limpah kurniaNya, dapat sekali lagi kita berhimpun bagi Perhimpunan Bulanan Bilangan 6/2021 pada pagi yang penuh keberkatan ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang hadir perhimpunan pagi ini yang diadakan secara maya sepenuhnya.
3. Menjangkau setengah tahun 2021 ini, pelbagai cabaran kita terpaksa lalui bermula dengan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan dan yang bersyarat, sehingga lah yang terkini kita terpaksa mengharungi PKP 3.0 yang telah disambung lagi sehingga 28 Jun 2021. Semoga kita terus tabah dan istiqomah dalam mematuhi SOP dengan harapan agar penularan wabak COVID-19 ini dapat diatasi dengan segera dan kita dapat menjalankan rutin harian kita seperti sedia kala dengan bebas daripada wabak COVID-19 ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

SOKONGAN NUKLEAR MALAYSIA TERHADAP PROGRAM VAKSINASI NEGARA MMG TIDAK DISANGKAL

4. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dipantau dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV), telah pun memasuki fasa ketiga di mana pemberian vaksin makin rancak diberikan. Saya dimaklumkan bahawa lebih 95% kakitangan Nuklear Malaysia telah mendaftar dan ramai juga turut

menyokong program Opt In vaksin Astra Zeneca yang pertama dan kedua. Namun kadar pendaftaran di peringkat kebangsaan yang baru saja melepasi 50% adalah masih rendah. Sekali lagi saya memohon kerjasama tuan-puan untuk menghubungi kaum keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga yang mungkin menghadapi masalah dengan pendaftaran dan bantu mereka.

5. Program vaksinasi ini sangat penting bagi melindungi seluruh rakyat Malaysia, dan khususnya warga Nuklear Malaysia, daripada risiko gejala yang lebih teruk dan InsyaAllah ia mampu menyelamatkan nyawa, seterusnya membantu proses memulihkan semula ekonomi negara. Kita telah melihat bagaimana di New Zealand tiada lagi kes baru dan di UK kes kematian telah menurun dengan begitu ketara selepas program vaksinasi dilaksanakan. Kita ambil contoh Bhutan sebuah negara kecil yang telah berjaya memberikan suntikan kepada 93% penduduk dewasa dalam masa 16 hari. Apa rahsia mereka? Sokongan padu dan kerjasama rakyat terhadap program itu. Nuklear Malaysia telah menyokong penuh program vaksinasi bukan sahaja dengan mendaftar dan menerima vaksin malah dengan menghantar barisan sukarelawan untuk bertugas di CITF dan CPRC. Setakat ini seramai 18 orang telah atau masih bertugas di sana.
6. Dengan rendah diri, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan ini yang berkorban dengan pelbagai cara untuk memastikan PICK berjalan dengan lancar.
7. Kadar pemberian vaksin yang disasarkan adalah 200000 sehari untuk membolehkan kita mencapai herd immunity iaitu 80% dari jumlah penduduk sebelum akhir tahun ini. InsyaAllah sasaran ini boleh

dicapai kerana pada pada 17 Jun baru-baru ini sebanyak 221,706 dos telah diberikan. InsyaAllah Malaysia Boleh! Nuklear Malaysia mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat, dari YBM yang membuat perancangan hinggalah kepada penerima vaksin yang menyokong program ini.

8. Terkini, pihak Pihak Berkuasa Kawalan Dadah DCA KKM telah meluluskan pemberian vaksin satu dos keluaran CanSino dan J&J termasuk Pfizer kepada kanak-kanak berumur 12 fahun ke atas. Ini merupakan satu perkembangan besar dalam usaha meluaskan pemberian vaksin. Walaubagaimana pun buat masa ini keutamaan masih lagi diberikan kepada warga berumur 18 tahun ke atas yang lebih berisiko. Apabila tiba masanya nanti, pastikan kita jalankan peranan sebagai ibubapa yang bertanggung melindungi anak-anak.
9. Kepada yang masih belum menerima temu janji, harap bersabar, InsyaAllah giliran tuan-puan akan sampai. Selalu lah semak akaun MySejahtera tuan-puan.

Lindung Diri, Lindung Semua, Lindung Nuklear Malaysia.

PERKEMBANGAN AKTIVITI NUKLEAR MALAYSIA SEMASA

10. Tuan puan sekelian. PKP 3.0 telah menyebabkan 85% warga Nuklear perlu bekerja dari rumah. Seperti biasa, tatacara bekerja perlu mengikut norma baharu dan kita perlu lebih kreatif untuk mencapai sasaran kerja tahunan. Saya ingin mengingatkan kepada semua untuk

merancang tugas sebaik mungkin dan jujur semasa melaksanakannya. Bekerja adalah amanah dan amanah itu adalah ibadah.

11. Dikesempatan ini saya ingin memberi sedikit update tentang beberapa aktiviti penting diNuklear Malaysia yang saya rasa tuan-tuan perlu maklum.

DTNN 2021-2030

12. Nuklear Malaysia dengan kerjasama MOSTI dan Akademi Sains Malaysia (ASM) kini sedang melaksanakan proses pemurnian penulisan draf Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2021–2030 yang telah dibangunkan sebelum ini. Satu Taskforce yang dianggotai oleh beberapa fellow ASM yang pakar dalam bidang telah dibentuk dan diketuai oleh Tan Sri Tajudin Ali.
13. Task Force ini sedang memperincikan dan menambah baik rangkakerja dan strategi dasar, bagi memastikan teknologi nuklear terus kukuh di Malaysia serta mendapat tempat didalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Pengharmonian dasar ini dijangka tamat pada Oktober 2021. Adalah diharapkan dasar ini kelak akan menjadi mandat dan punca kuasa kepada pemain teknologi nuklear di Malaysia, terutama Nuklear Malaysia dalam memastikan kemampunan kewujudannya.

IAEA NUTEC PLASTIC

14. Dalam usaha untuk terus memperkukuhkan kerjasama teknikal di kalangan negara ahli, IAEA juga telah melancarkan, 'NUclear TEchnology for Controlling Plastic Pollution', atau NUTEC Plastic, pada Disember 2020. Inisiatif peringkat global ini bertujuan untuk meneroka dan memperluaskan penggunaan teknologi nuklear yang menyumbang kepada penyelesaian inovatif dan menangani cabaran terhadap pencemaran plastik dunia.

15. Nutec Plastic ini menjurus kepada penggunaan teknologi nuklear bagi proses kitar semula plastik dan pemantauan mikroplastik didalam lautan menggunakan *isotopic tracing techniques* yang merupakan forte atau kekuatan R&D Nuklear Malaysia. Malaysia melalui Nuklear Malaysia kini sedang mengetuai projek peringkat serantau berkaitan *recycling polymeric waste*, dan projek ini juga akan dijadikan asas dan model contoh bagi pelaksanaan IAEA Nutec Plastic, dan kini dalam perbincangan lanjut bersama mereka.

16. Terima kasih kepada Dr Chantara atas berjaya menaikkan nama Nuklear Malaysia. Manakala BAS juga sedang merancang projek berkait inisiatif ini. Tahniah kepada BTS dan BAS.

FNCA/RCA

17. Nuklear Malaysia juga terus memainkan peranan sebagai FNCA National Coordinator dan RCA National Representative serta mewakili Malaysia dalam rangka kerjasama teknikal di peringkat rantau Asia dan Pasifik . Saya sebagai FNCA National Coordinator ingin menyeru agar semua Ketua Projek FNCA di Nuklear Malaysia khususnya, terus memainkan peranan aktif mewakili Malaysia dalam melaksanakan projek-projek kerjasama FNCA. Tahniah dan syabas kepada BAB, Dr Sobri sebagai ketua projek padi NMR 152 yang telah dicalonkan dan disenarai pendek untuk untuk Best Researcher Award 2021.

18. Nuklear Malaysia juga menjalankan fungsi sebagai Pengerusi Regional Cooperative Agreement (RCA) untuk tempoh 2020-2021, terima kasih diucapkan kepada Dr. Muin, mantan TKP, Tanggung jawab ini diserahkan secara giliran kepada negara Thailand manakala Dr, Abd Rahim akan bertindak sebagai NR. Saya ingin menyarankan agar semua *RCA national project counterpart* terus melaksanakan aktiviti projek yang telah dirancang dan juga boleh mula memohon projek baharu RCA untuk kitaran 2024/2025. Saya dimaklumkan bahawa tarikh tutup permohonan ialah pada 23 Julai 2021.

DANA R&D

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Aktiviti R&D sukar bergerak tanpa dana. Baru-baru ini Nuklear Malaysia telah menghantar 7 cadangan program di bawah dana penyelidikan strategik (SRF). Dua cadangan telah terpilih untuk pembentangan iaitu Accelerator for Industrial Use dan Thorium Flagship Phase 2: Development of Innovative Rare Earth Technology in Malaysia. Sama-sama kita mendoakan agar cadangan ini diterima oleh MOSTI kerana ia menjadi platform penting yang akan mengukuhkan kedudukan Nuklear Malaysia sebagai promoter teknologi nuklear.

PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DALAM NORMA BAHARU

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Penganjuran dan penyertaan dalam seminar, persidangan dan kursus secara atas talian kini merupakan alternatif dalam pengamalan norma baharu. Selain memastikan latihan-latihan seumpama ini dapat terus diadakan, ia juga sebenarnya mempunyai banyak manfaat yang lain - sebagai contoh, membuka peluang penyertaan di lebih banyak persidangan bertaraf antarabangsa, membolehkan lebih ramai peserta mengikuti suatu program latihan, menjimatkan kos perbelanjaan dan lain-lain lagi.

20. Mengambil contoh kerjasama di antara Agensi Nuklear Malaysia dan Japan Atomic Energy Agency (JAEA) dalam pembangunan modal insan, program-program latihan seperti *Instructors Training Course*, *Advanced Instructors Training Course*, dan *Basic Radiation Knowledge for School Education* telah disertai secara atas talian sejak tahun lepas.

21. Salah satu elemen pembangunan sumber manusia yang penting adalah pengurusan bakat atau *talent management*. Pembangunan bakat secara menyeluruh dan perancangan sumber manusia secara berpusat adalah penting untuk menggerakkan agenda STI

negara dan seterusnya dalam bidang sains dan teknologi nuklear. Tahun ini, Nuklear Malaysia akan meneruskan program pementoran yang merupakan antara kaedah pengurusan bakat. Seramai 14 pasangan mentor dan mentee telahpun dilantik untuk program pementoran tahun ini dan program telahpun bermula pada bulan April dalam suasana norma baharu.

PENUTUP

22. Belum terlewat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Gawai kepada warga Nuklear Malaysia yang menyambutnya pada 1 Jun 2021 yang lepas. Semoga perayaan Hari Gawai ini sentiasa dapat menyemarakkan keharmonian antara kaum di Malaysia dan memperkukuhkan perpaduan sesama kita.

23. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Bersara kepada YBrs. Ts. Dr. Chantara Devi Ratnam, Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Pengurusan yang bakal bersara menjelang 1 Julai 2021 nanti dimana beberapa hari sahaja lagi beliau akan mengakhiri detik-detik perkhidmatan beliau dalam Kerajaan Malaysia. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Ts. Dr. Chantara di atas sumbangan dan khidmat bakti beliau sepanjang 29 tahun berkhidmat di Nuklear Malaysia ini. Sesungguhnya budi dan jasa Dr. Chantara selama ini tidak terbalas oleh kami semua. Terima kasih juga kepada RMC yang telah menganjurkan program NG2G Bersama Dr. Chantara pada 24 Jun baru-baru ini. Terima kasih juga kepada semua warga Nuklear Malaysia yang telah meluangkan hadir secara atas talian bagi

sama-sama mendengar perkongsian pengalaman, ilmu pengetahuan, amanat dan nasihat beliau nanti.

24. Mengakhiri ucapan saya untuk kali ini, ingin saya mengingatkan semua bahawa tahun 2021 ini pastinya akan mempunyai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Cabaran yang datang mungkin berbeza daripada apa yang pernah kita alami. Adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat antara kita. Marilah kita sama-sama berusaha memastikan segala cabaran disahut dengan hati terbuka untuk melaksanakan segala tanggungjawab secara bersama dan menetapkan azam kita bagi memastikan Nuklear Malaysia akan sentiasa relevan kepada stakeholder dan masyarakat.
25. Terima kasih kepada penganjur Perhimpunan Bulanan kali ini, iaitu Bahagian Perhubungan Antarabangsa (BPA) dan Bahagian Sumber Manusia (BSM). Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan kali ini termasuklah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di atas komitmen yang telah diberikan.

Akhir kata, **“Lindung Diri..Lindung Semua..”**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.